



# TEKS KHUTBAH AIDILFITRI

“AIDILFITRI: HARI KEMENANGAN  
DAN KESATUAN UMMAH”

JABATAN AGAMA ISLAM PERAK

1447 H / 2026 M



Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## “**AIDILFITRI: HARI KEMENANGAN DAN KESATUAN UMMAH**”

1 Syawal 1447

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،  
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،  
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ<sup>1</sup>،  
اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا، وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا.  
الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي وَفَّقَنَا لِعِبَادَتِهِ. وَجَعَلَ هَذَا الْيَوْمَ فَرَحًا لِعِبَادِهِ الْمُتَّقِينَ، الَّذِينَ فَازُوا  
بِصِيَامِ رَمَضَانَ وَقِيَامِهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>2</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ  
بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ. فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ وَالْمُسْلِمَاتُ، اتَّقُوا اللَّهَ<sup>3</sup> حَقَّ  
تَقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

### **Muslimin Muslimat yang dirahmati Allah,**

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan Nya. Sesungguhnya keikhlasan hati ketika beribadah menjadi ukuran kemuliaan dan ketakwaan seseorang insan. Mudah-mudahan kita menjadi insan bertakwa, selamat di dunia – sejahtera di akhirat. Sempena menyambut Aidilfitri, mimbar mengajak ummah untuk menghayati khutbah bertajuk: “**AIDILFITRI: HARI KEMENANGAN DAN KESATUAN UMMAH**”

<sup>1</sup> Memuji Allah

<sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>3</sup> Pesan Taqwa

Bermula terbenam matahari pada petang semalam, Syawal menjelma. Umat Islam mula bertakbir, memuji dan membesarkan Allah sebagai tanda syukur. Bersyukur kerana masih diberi kesempatan meraikan hari kemenangan. Kemenangan melawan hawa nafsu selama sebulan; sekali gus dijanjikan kembali kepada fitrah, dibersihkan jiwa dari dosa dan noda. Kemenangan berjaya menunaikan perintah ibadah puasa, solat fardu dan solat sunat, serta membaca dan tadabbur al-Quran.

Pada akhir ayat 185 surah al-Baqarah, Allah SWT mengisytarkan penyempurnaan hari berpuasa disambut dengan bertakbir membesarkan keagungan Nya dan bersyukur atas kemenangan. Firman Allah SWT:

...وَلِتُكْمِلُوا الْعِدَّةَ وَلِتُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَى مَا هَدَاكُمْ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ

Bermaksud: Dan hendaklah kamu mencukupkan bilangannya (sebulan Ramadan) dan hendaklah kamu mengagungkan Allah atas petunjuk Nya yang diberikan kepadamu semoga kamu bersyukur. (Surah Al Baqarah ayat 185)

Namun, perlu diingat! Kemenangan Aidilfitri bukanlah kemenangan hakiki. Kemenangan sebenar apabila kita kembali mengadap Ilahi, membawa bekalan yang diterima, lalu dimasukkan ke dalam syurga dengan Rahmat Nya. Kemenangan Aidilfitri melambangkan kejayaan seorang hamba yang taat dan patuh pada perintah Allah, lalu diganjar dengan kenikmatan dan kegembiraan. Kemenangan sementara Aidilfitri menuntut kita terus istiqamah, bersungguh melaksanakan segala perintah dan meninggalkan larangan Nya.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ

**Mukminin Mukminat yang dirahmati Allah,**

Kemenangan ini tidak bermakna; tanpa kita sama-sama merasai kesusahan dan ujian yang dihadapi oleh saudara-saudara seagama di serata dunia. Umat Islam di beberapa negara Asia Barat, Afrika, dan negara lain masih berdepan



dengan tekanan dan peperangan yang tidak berkesudahan. Darah masih tertumpah, bumi makin diratah, dan hak dirampas tanpa belas kasihan. Allah SWT mengingatkan kita dengan firman Nya:

وَلَنْ تَرْضَىٰ عَنْكَ الْيَهُودُ وَلَا النَّصَارَىٰ حَتَّىٰ تَتَّبِعَ مِلَّتَهُمْ

Bermaksud: Dan orang Yahudi dan Nasrani tidak sekali-kali akan bersetuju kepada kamu (wahai Muhammad) hingga kamu mengikut agama mereka (yang telah terpesong itu).  
(Surah al-Baqarah ayat 120)

Ayat ini tidak berhasrat mahu menyemai kebencian kepada kaum Yahudi dan Nasrani secara membuta tuli, tetapi sebagai peringatan bahawa umat Islam tidak boleh lalai dan lemah. Umat Islam tidak boleh berpecah. Umat Islam mesti mempersiapkan kekuatan diri. Sabda Rasulullah SAW;

Bermaksud, “Akan hampir tiba suatu masa di mana bangsa-bangsa lain akan mengerumuni kamu seperti orang-orang yang mengerumuni hidangan.” Para sahabat bertanya: Adakah kerana bilangan kami sedikit? Baginda SAW menjawab: “Bahkan kamu ramai, tetapi kamu seperti buih di lautan”

(Hadis Riwayat Abu Dawud)

Sebab utama kelemahan umat Islam bukan kerana bilangan yang sedikit, tetapi kerana perpecahan, cetek ilmu dan kurang daya penguasaan teknologi. Ketika dunia bergerak maju dengan kuasa teknologi, ekonomi, maklumat dan kesatuan, umat Islam masih bertelingkah perkara khilaf yang berlarutan lebih seribu tahun tanpa kesudahan.

Jika umat Islam terus berpecah, terus berbalah, saling melemahkan antara satu sama lain, umat Islam akan terus menjadi mangsa percaturan musuh. Musuh Islam telah mengambil kesempatan, merancang menyemarakkan lagi pertelingkahan sesama Islam melalui pelbagai propaganda olahan mereka. Malangnya ramai umat Islam yang terpengaruh. Wahai saudara seagama! Sedarilah! Perpecahan umat telah memberikan keuntungan besar kepada musuh.

## الله أَكْبَرُ، اللهُ أَكْبَرُ، اللهُ أَكْبَرُ وَلِلّٰهِ الْحَمْدُ

### Muslimin Muslimat yang dirahmati Allah,

Di negara Malaysia tercinta ini, kita bersyukur dengan suasana aman dan harmoni yang kita nikmati. Jangan kita musnahkan nikmat ini melalui perpecahan yang memudaratkan. Demi kebaikan anak cucu pada masa hadapan, jangan dirosakkan keamanan dan keharmonian yang telah sekian lama dibina oleh nenek moyang kita

Aidilfitri seharusnya dirayakan dalam semangat mengembalikan ikatan persaudaraan. Budaya saling bermaafan wajib diteruskan; disemai dalam hati untuk diamalkan sepanjang masa. Jika Ramadan melatih kita bersabar menahan lapar dan dahaga, Aidilfitri hendaklah melatih kita membuang segala perselisihan dan dendam.

Aidilfitri sepatutnya memupuk generasi Muslim berjiwa besar, berfikir strategik, berakhlak tinggi, bersatu dalam prinsip kerana umat Islam yang bersatu akan menjadi kuat lalu tidak mudah dipermainkan. Firman Allah SWT:

﴿ إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلَحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴾

Bermaksud: “Sesungguhnya orang mukmin itu bersaudara maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat.”  
(Surah al-Hujurat ayat 10)

الله أَكْبَرُ، اللهُ أَكْبَرُ، اللهُ أَكْبَرُ وَلِلّٰهِ الْحَمْدُ

### Jemaah Rahimakumullah,

Kita bersyukur kerana umat Islam di Malaysia masih kekal bersatu, mula berpuasa pada hari yang sama, dan menyambut Hari Raya pada hari yang sama. Sedang berlaku di beberapa tempat di dunia Islam, umat Islam mula berpuasa

dan menyambut Aidilfitri pada hari yang berbeza walaupun bermastautin dalam negara yang sama. Barang dijaui Allah berlakunya keadaan seperti ini di negara kita.

Oleh itu ummah diingatkan agar memelihara perpaduan yang telah kita nikmati selama ini, dengan mentaati Raja-Raja Pemerintah dan pihak berkuasa agama yang diamanahkan tanggungjawab untuk menentukan urusan keagamaan. Titah ketetapan Raja-Raja Pemerintah bersama pihak berkuasa agama, berupaya mengatasi sebarang khilaf yang mungkin berlaku, sekali gus menatijahkan kesatuan. Jangan sama sekali kita membuka ruang kepada perpecahan, kerana dipengaruhi oleh pandangan segelintir manusia atau kumpulan yang mencetuskan kekeliruan hingga boleh menyebabkan berlakunya perpecahan. Semoga Allah menyatukan hati-hati kita, menghindarkan perpecahan sesama kita, dan mengurniakan kepada umat Islam kekuatan yang bermaruah.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## Khutbah Kedua

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،  
اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ،  
اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا. الْحَمْدُ لِلَّهِ وَحْدَهُ، صَدَقَ وَعْدُهُ، وَنَصَرَ عَبْدَهُ، وَأَعَزَّ جُنْدَهُ، وَهَزَمَ الْأَحْزَابَ وَحْدَهُ  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ،  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، أَمَّا بَعْدُ. فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ  
وَالْمُسْلِمَاتُ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوهُ! وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَّقِينَ،  
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

### Hadirin hadirat yang dirahmati Allah,

Hari raya ialah hari untuk mengukuhkan ukhuwah Islamiah. Jalinkan hubungan silaturahim sesama kita, yang jauh didekati, yang putus dipertautkan, yang berseteru didamaikan. Walaupun kita sudah kembali kepada fitrah makan dan minum pada siang hari, makanlah secara sederhana, pelihara kesihatan dan sama sekali jangan membazir ketika makan ataupun berbelanja. Kepada yang menggunakan kenderaan sepanjang perayaan, berhati-hati, berdoa mohon perlindungan Ilahi, serta ingatlah orang tersayang.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا<sup>4</sup>  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ  
مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ<sup>5</sup> وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ  
وَأَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.

<sup>4</sup> Ayat Al-Quran

<sup>5</sup> Doa untuk kaum muslimin.

**Ya Allah! Ya Rabal ‘Alamin**, terimalah ibadah yang kami lakukan sepanjang Ramadan. Bimbing kami agar terus istiqamah melakukan ibadah dan amal kebaikan sepanjang hayat. Tautkan kesatuan umat Islam seluruh dunia sempena keberkatan Aidilfitri.

**Ya Allah Ya Hafiz!** kurniai kami kesihatan dan lindungi kami daripada sebarang bencana dan kemalangan ketika menyambut Aidilfitri, terutama dalam perjalanan menziarahi ibu bapa dan saudara-mara kami, juga kepada para petugas yang bertugas pada pagi Syawal ini.

**Ya Dzal Jalali wal Ikram**, kami memohon agar Engkau limpahi rahmat dan perlindungan Mu kepada umat Islam yang tertindas, di mana sahaja, terutama saudara kami di Palestin dan di Iran. Engkau musnahkan serta gagalkan perancangan jahat rejim Israel terhadap rakyat Palestin agar bumi suci itu kembali merdeka dan berdaulat.

**Ya Malikal Mulk**, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum syarak.

**Ya Malik Ya Hadi!** kurniakanlah taufik dan hidayah Mu ke atas Raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ  
فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى  
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.  
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.